

Pakatan gesa Putrajaya batal undang-undang baru Kg Baru
The Malaysian Insider
22 September , 2011
Oleh G Manimaran dan Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Pakatan Rakyat menggesa Putrajaya menghormati pendirian pemilik tanah Kampung Baru di ibu negara dengan tidak meneruskan bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Perbadanan Kampong Baru memandangkan majoriti pemilik menolak langkah itu.

Timbalan Ketua Pemuda Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan Mohamad Suhaimi Abdul Aziz berkata, Putrajaya harus membatalkan hasrat meneruskan bacaan kali kedua rang undang-undang itu demi kepentingan pemilik dan pewaris tanah berusia 111 tahun tersebut.

"Kampung Baru menjadi tanda aras kepada kebangkitan rakyat di seluruh negara, dan jangan menyesal jika rakyat bangkit menolak Umno-Barisan Nasional dalam pilihan raya umum ke-13 di seluruh negara jika kerajaan tetap menolak tuntutan penduduk Kampung Baru," katanya.

Kata Suhaimi, pentadbiran Najib kelihatan tidak mahu mendengar pendirian pemilik tanah di kawasan penempatan eksklusif orang Melayu itu.

"Kerajaan dan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin bersikap sombong daripada mendengar keluhan dan rayuan pemilik asal Kampung Baru kerana rata-rata menolak bacaan kali kedua rang undang-undang itu.

"Sepatutnya, jika kerajaan prihatin terhadap rakyatnya, kerajaan perlu menghormati kehendak penduduk Kampung Baru sebelum membuat keputusan," kata Suhaimi.

Katanya, hasil tinjauan pihaknya mendapati banyak sepanduk yang dipasang oleh penduduk tempatan menolak cadangan kerajaan.

"Apakah ertinya rang undang-undang ini jika ia diluluskan kelak di Parlimen sedangkan rakyat di bawah terutama di Kampung Baru sendiri menolaknya?" katanya dalam satu kenyataan.

Justeru beliau menasihatkan Putrajaya agar tidak menjadikan Kampung Baru sebagai "mangsa" pembangunan semata-mata untuk memenuhi kepentingan pihak tertentu.

Sebelum ini Raja Nong Chik berkata, rang undang-undang yang tertangguh tiga kali sebelum ini akan dibawa ke Parlimen pada sesi yang bermula bulan depan bagi membolehkan pembangunan dilakukan di kawasan itu.

Beliau berkata, input dalam rang undang-undang itu antara lain adalah hasil perbincangan mendalam dengan beberapa pihak termasuk badan bukan kerajaan, pemilik dan waris tanah di kawasan itu.

Dalam pada itu, Ketua Angkatan Muda PKR Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, pihaknya

mendukung sepenuhnya desakan Sekretariat Pembangunan Kampung Baru supaya kerajaan menarik balik pembentangan akta baru ini.

“Kerajaan seharusnya mengambil kira sentimen dan hasrat majoriti penduduk serta pewaris tanah di Kampung Baru yang secara jelas dan terbuka membantah cadangan kerajaan untuk menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru,” katanya.

Shamsul Iskandar berkata pihaknya kesal dengan tindakan Raja Nong Chik yang tetap mahu meneruskan bacaan kali kedua walaupun telah dibantah oleh majoriti pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru.

Kata beliau, tindakan kerajaan yang membelakangkan hasrat dan suara penduduk Kampung Baru berhubung perkara ini jelas menzahirkan keangkuhan dan kerakusan kerajaan dalam usaha mereka untuk menggadaikan satu-satunya tanah warisan orang Melayu yang bernilai tinggi di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-gesa-putrajaya-batal-undang-undang-baru-kg-baru/>